

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI  
[PADANG SERAI]**

**TARIKH : 28 JULAI 2020**

**SOALAN**

**YB TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI [PADANG SERAI]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan memberi perhatian terhadap isu di mana segelintir masyarakat Malaysia tidak mengguna atau mempamerkan Jalur Gemilang dan lambang-lambang rasmi yang lain dengan betul. Apakah usaha Kementerian dalam mengatasi isu tersebut.

**JAWAPAN: YB DATUK SERI MOHD REDZUAN YUSOF  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mewujudkan Akta 414 iaitu Akta Lambang Dan Nama (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) 1963 untuk mengawal penggunaan Jalur Gemilang dan lambang-lambang rasmi yang lain. Penguatkuasaan Akta 414 dilaksanakan di mana individu yang didapati menyalahgunakan Jalur Gemilang dan lambang-lambang rasmi jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM20,000.00 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

## NO. SOALAN : 17

2. Pada masa yang sama, Kerajaan juga melaksanakan pelbagai program kesedaran untuk memberi pendidikan kepada masyarakat dan menyebarkan mesej menghormati simbol kebesaran negara, tatacara pemasangan bendera dan cara menghormati Jalur Gemilang.
3. Antara lain, program kesedaran ini dilaksanakan melalui kaedah hebahan secara bersemuka seperti Program Info On Wheels (IOW) Merdeka yang dirancang untuk diadakan sebanyak 130 program di 384 lokasi di seluruh negara bermula bulan Julai hingga Ogos 2020.
4. Selain itu, Kerajaan juga mengadakan program Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang yang dilaksanakan pada setiap tahun bagi membangkitkan rasa bangga rakyat Malaysia untuk mengibarkan Jalur Gemilang. Di antara program Bulan Kebangsaan ialah Merdeka @ Komuniti yang merupakan program bagi menyuntik kesedaran awal kepada rakyat mengenai sambutan Bulan Kebangsaan, meningkatkan dan menggelorakan semangat patriotik dan cintakan negara serta memberi penjelasan mengenai penggunaan lambang-lambang rasmi mengikut tatacara yang betul di semua peringkat di seluruh negara; dan
5. Pelaksanaan program-program tersebut oleh Kerajaan juga memberi penjelasan mengenai tatacara pemasangan bendera dan cara menghormati Jalur Gemilang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
[ JERANTUT ]**

**TARIKH : 28 JULAI 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [ JERANTUT ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:

- (a) berapa jumlah kos yang ditanggung Kementerian bagi membendung penularan dan merawat pesakit wabak COVID-19 dan
- (b) perancangan Malaysia bagi membangunkan sistem tersendiri seperti Amaran Kedudukan Sistem Tindak Balas Perebakan Penyakit (DORSCON) seperti Singapura.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah membelanjakan sebanyak **RM650 juta** (10 Julai 2020) bagi pembelian peralatan, bekalan perubatan, barangan guna pakai (*consumables*)/ *Personal Protective Equipment* (PPE), *test kit* dan lain-lain perkhidmatan dalam usaha mengawal wabak COVID-19. Kerajaan akan sentiasa memastikan peruntukan yang mencukupi dalam memastikan wabak COVID-19 dapat diuruskan dengan baik dan terkawal.